

25/10/1997

Menobatkan barangan tempatan

HH

BELAJAWAN 1998 yang dibentangkan Jumaat lalu dikatakan lebih untuk melindungi rakyat dalam menghadapi kemelut ekonomi sekarang. Satu daripada langkahnya ialah menyekat rakyat membeli barangan import, sebaliknya yakin kepada barangan tempatan.

Lima hari selepas belanjawan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengumumkan ia akan melancarkan kempen `Belilah barangan buatan Malaysia' di seluruh negara tidak lama lagi. Ia diumumkan oleh Timbalan Menterinya Datuk S Subramaniam.

Barangkali kempen kali ini adalah sambungan apa yang pernah kerajaan buat kira-kira 13 tahun lalu. Masa itu kempen kerajaan itu disokong kuat oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM). Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan kempen itu pada April 1985.

Pelbagai program diatur untuk menjayakannya. Dari peringkat Pusat sampai ke daerah, ia dibuat untuk menyedar rakyat supaya mengutamakan barangan sendiri daripada barangan import. Sana-sini pameran diadakan termasuk yang terbesar sekali di Changkat Pavilion, Kuala Lumpur yang dikunjungi puluhan ribu pengguna.

Sana-sini rakyat menampal pelekat terutamanya di kereta mereka untuk menghebahkan mesej kempen itu. Radio dan televisyen pun main peranan besar menerusi slogan dan dokumentari filem.

Jawatankuasa Pemandu Beli Barangan Malaysia juga ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ketika itu dipengerusikan Timbalan Menterinya, Muhyiddin Yassin (sekarang Tan Sri). Masihkah pembaca ingat dengan M G Pandithan yang dikaitkan dengan isu `keranda' dalam MIC. Ketika itu beliau adalah Setiausaha Parlimen kementerian berkenaan. Pandithan turut ditugaskan oleh Menterinya untuk menggerakkan jentera kerajaan menggalakkan rakyat beli barangan Malaysia.

Setahun, berlalu kempen itu dianggap berjaya. Lagipun ketika itu ekonomi negara baru sahaja keluar dari zaman meleset. Pengguna sedar apa faedahnya membeli barangan Malaysia. Pelajar sekolah pun faham pentingnya kita mengurangkan pengaliran wang ke negara asing. Berucap di majlis, Menteri, Menteri Besar dan ahli politik bercakap mengenai perkara itu. Mereka nasihat rakyat kikis sikap suka bermegah-megah dengan barangan import terutama yang berjenama terkemuka. Ini kerana barangan kita juga setanding mutunya.

Mereka menjadi contoh yang paling ideal. Mereka pakai kasut, baju, beg, tali-leher dan macam-macam barang lain yang rakyat kita sendiri buat.

Sayangnya kebiasaan bagi kita, semua hangat seketika. Lama-kelamaan umpama ombak kuat, ia kemudian reda dan senyap sunyi gelombangnya. Lebih-lebih lagi ekonomi terus pulih, kempen pun hilang entah ke mana. Papan iklan pun dimakan hari dan dibasahi hujan tanpa diganti baru dan akhirnya tercabut. Masing-masing seperti sudah puas hati. Satu lagi contoh yang baik ialah kempen inflasi sifar. Kempen itu pun sudah senyap semula.

Kini kempen Belilah Barang Malaysia akan muncul semula. Sebabnya, kita sudah merasakan kepayahan ekonomi yang melanda sekarang. Namun, kita harap sangat kali ini ia akan berpanjanganlah hendaknya.

Laksanakanlah secara sistematik untuk menggalakkan orang ramai membeli barangan yang kualitinya setaraf dengan barangan yang diimport.

Menurut Subramaniam papan iklan akan didirikan di tempat strategik untuk menyampaikan mesej itu kepada orang ramai sementara risalah juga akan diedarkan. Pada masa yang sama kita mahu pekilang kita termasuk FMM yang

dulu menjadi jaguh memperjuangkan barangan Malaysia turut serta kali ini. Ahlinya juga kita harap meningkatkan lagi penyelidikan dan pembangunan untuk memperbaiki kualiti barangan keluaran mereka supaya ia menepati standard antarabangsa.

Kempen kali ini, jika kita mahu ia benar-benar berjaya, mestilah dibuat berterusan, jangan terhenti-henti. Selain media massa, Pegawai Jabatan Penerangan, pegawai Kemas dan guru-guru di seluruh negara dan semua pihak juga perlu turut sama. Mereka inilah wajar diberi penerangan, maklumat dan taklimat untuk disebarkan kepada rakyat.

Sesungguhnya kita sudah mempunyai pengalaman kali pertama melakukannya. Jangan hendaknya kesilapan lalu berulang lagi. Jika mahu buat, laku dan gembleng tenaga bersungguh-sungguh. Bukan lagi hangat-hangat awal tetapi sejuk kemudiannya.

Walaupun ramai yakin ekonomi akan pulih dalam tempoh terdekat, kempen mesti diteruskan kerana manusia yang bernama pengguna mempunyai cita rasa yang tinggi. Tetapi cita rasa boleh dilentur dengan disiplin, nasihat dan mesej kerap apa jua keadaan ekonomi yang dihadapi, kita mesti bijak dan sederhana berbelanja. Lagipun kesederhanaan itu dituntut oleh semua agama.

Bukan saja kita galakan rakyat guna barangan sendiri malah pelancong yang datang juga kita galakkan berbelanja di negara ini lebih-lebih lagi mengambil kesempatan nilai ringgit yang rendah berbanding mata wang asing ketika ini. Bagi kawan-kawan kita yang berada di luar negara, mesej yang sama juga kita sampaikan supaya tidak terlalu ghairah berbelanja disebabkan rambang mata. Barangan sendiri juga ada nilai dan kualitinya.

(END)